UTUSAN MALAYSIA
19/09/2014

Mampu duduki senarai 100 terbaik dunia

KUALA TERENGGANU 18 Sept. - Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh yakin institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini mampu menempatkan diri dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh dua tahun lagi.

Menurut Idris, keyakinan itu berdasarkan perkembangan positif yang ditunjukkan oleh beberapa IPTA di seluruh negara khususnya daripada segi pertambahan kualiti dan kuantiti pelajar.

"Ketika ini sahaja, kita ada kira-kira 1.2 juta pelajar di IPTA dan angka ini bertambah berkali ganda di antara 2003 hingga 2012.

"Jadi, saya jangka dalam tempoh dua tahun lagi kita akan jadi 100 universiti terbaik dunia," katanya.

Beliau berucap dalam majlis Pecah Tanah bagi Projek Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, di sini hari ini.

Secara khususnya, kenyataan Idris itu dilihat merujuk kepada Universiti Malaya (UM) yang kini berada pada kedudukan ke-151 terbaik di dunia.

Universiti tersebut sebelum ini dikatakan telah merangka beberapa strategi dan pendekatan bagi mencapai sasaran untuk berada dalam senarai 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Dalam pada itu, Idris memberitahu, warga Malaysia juga perlu berbangga kerana universiti di negara ini merupakan antara 10 buah universiti di dunia yang menjadi pilihan pelajar asing untuk menyambung pengajian mereka.

Bagaimanapun, jelas beliau, masih banyak perancangan yang perlu dilaksanakan dalam usaha memantapkan kualiti pengajian khususnya di IPTA di seluruh negara ketika ini.

"Kita mahu pastikan kualiti *output* ditambah bagi memastikan graduan yang dihasilkan nanti benar-benar berkualiti," ujar beliau.